Prof. Dr. Abd Al-Fattah El-Awaisi Al-Maqdisi

PERANCANGAN STRATEGIK UNTUK PEMBEBASAN

SALAH SATU CARA UTAMA MEMBELA NABI

AKADEMI
BAITUL MAQDIS

PERANCANGAN STRATEGIK UNTUK PEMBEBASAN:

Salah Satu Cara Utama Membela Nabi

Prof. Dr. Abd Al-Fattah El-Awaisi (Al-Maqdisi)

Profesor Hubungan Antarabangsa di pelbagai universiti dunia

Pengasas Projek Tamadun Pengetahuan Antarabangsa Baitul Maqdis

AKADEMI BAITUL MAQDIS
2025

Tajuk Asal (Bahasa Arab):

Al-Takhtit Al-Istiratiji Li Al-Tahrir Min A'dzham Suwar Al-Nusrah Li Al-Nabiyy

Terjemahan:

Abdul Fattah Mustafar.

Suntingan dan Reka Letak:

Abu Bakr Mohd Sidek

البروفيسور الدكتور
عبد الفتاح محمد الصويصي القدسي

Ilustrasi Kulit Buku:

Lexica.art & ChatGPT

Edisi E-Book Percuma

Terbitan:

Akademi Baitul Maqdis

Malaysia

Isi Kandungan

Pendahuluan.....4

Peranan Ulama dan Kerja Pembinaan Pelan Strategik Ke Arah Pembebasan.....7

Kepentingan Ulama Melakar Peta Jalan Pengetahuan.....12

Peranan Ulama dalam Sejarah.....20

Baitul Maqdis sebagai Pengukur Umat dan Sumber Kebangkitan Secara Global.....25

Pendahuluan[1]

Salah satu bentuk bentuk cara yang utama membela (*nusrah*) Rasulullah SAW yang sebenar ialah perancangan strategik untuk pembebasan Masjid Al-Aqsa yang akan datang.

Membela Rasulullah SAW bukan sekadar kata-kata, tetapi ia memerlukan tindakan strategik yang serius dan terancang pada semua peringkat untuk membebaskan tempat baginda di'Israk' dan di'Mikraj'kan, iaitu Masjid Al-Aqsa yang diberkati (iaitu Pusat bulatan Barakah), yang telah dijajah selama lebih setengah abad. Masjid ini sentiasa menjadi sasaran penghinaan dan serangan oleh rejim Zionis

[1] Artikel ini dipetik dari Majalah Nusrah Al-Nabi, Bilangan 2, Zulhijjah 1443H. Penulis adalah ahli Majlis Amanah Pertubuhan Antarabangsa untuk Membela Nabi Islam.

yang terus-menerus mencerca Rasulullah SAW sejak hari pertama penjajahan mereka 55 tahun yang lalu.

Pada tahun 1967, Masjid Al-Aqsa diserahkan kepada mereka dalam peristiwa Perang 1967. Mereka dengan sombongnya menari di halaman masjid sambil menyanyikan lagu yang menghina Rasulullah SAW: "*Letakkan aprikot di atas epal… Agama Muhammad telah lenyap… Muhammad telah mati dan meninggalkan anak-anak perempuan.*" Sejak itu, mereka tidak berhenti menghina dan mencerca Rasulullah SAW.

Adakah tidak menjadi satu penghinaan besar terhadap kemuliaan Rasulullah SAW jika tempat israk dan mikraj baginda dibiarkan dalam cengkaman penjajah Zionis yang setiap hari menceroboh, mencemarkan, dan

menghina kemuliaan baginda di dalam Masjid Al-Aqsa dan di bandar suci itu? Semua ini berlaku di hadapan mata umat Islam yang, malangnya, telah membiasakan diri dengan realiti pahit ini. Dan Baitul Maqdis bersendirian memadamkan api yang dinyalakan oleh musuh umat Islam. Umat Islam hanya bertindak balas secara sementara dan bermusim, kemudian kembali tidur dalam lamunan yang panjang!

Adakah masuk akal bahawa umat kita – setelah lebih 100 tahun penjajahan ke atas tanah suci ini sejak penjajahan British pada 1917 – masih tidak mempunyai rancangan strategik untuk merencana pembebasan pada akan datang?

Peranan Ulama dan
Kerja Pembinaan
Pelan Strategik Ke
Arah Pembebasan

Di manakah peranan ulama umat ini dalam menjalankan kerja pembinaan yang kreatif dan inovatif untuk menyumbang secara intelektual dalam pembebasan yang akan datang dan membentuk sejarah masa depan kita? Segala kerja ini adalah cara membela Rasulullah SAW dan membela Masjid Al-Aqsa serta isu-isu berkaitannya.

Kita perlu memberi keutamaan ke arah pembinaan tindakan dan menanamkan harapan, bukannya terperangkap dalam reaksi terhadap musuh yang hanya menyebarkan tenaga dan membuang masa serta sumber. Musuh kita sentiasa merancang strategi untuk mencapai matlamat mereka, sementara kita sibuk bertindak balas terhadap provokasi mereka.

Asas untuk membina tindakan dan menanamkan harapan adalah pengetahuan – iaitu kesedaran – yang merupakan proses terancang dan teratur. Kesedaran memberikan tenaga untuk menghasilkan tindakan, dan ini adalah sunnah Nabi. Begitu juga dengan menanamkan harapan, (juga sunnah Nabi) terutamanya dalam situasi sukar seperti yang dihadapi oleh umat Islam hari ini.

Umat Islam yang hidup pada zaman ini, dalam usaha membebaskan tanah suci (Baitul Maqdis) dan Masjid Al-Aqsa, (dalam masa yang sama juga ini adalah usaha untuk membela perjuangan Nabi Muhammad SAW dan tempat di'Israk' dan di'Mikraj'kan) sangat memerlukan ilmu yang bermanfaat dan pengetahuan yang berguna untuk beralih dari pemikiran strategik kepada perancangan strategik.

Oleh itu, kita sangat memerlukan ulama dan ilmuwan tampil untuk merangka peta jalan pengetahuan dan membina pelan strategik untuk pembebasan yang akan datang, yang dibina berdasarkan ilmu bermanfaat yang mendorong umat untuk bertindak, dan pengetahuan yang berguna bagi mendorong perubahan.

Perlu kita sedari juga bahawa ilmu bukan sekadar untuk ilmu, akan tetapi kita mendambakan ilmu yang membawa kepada kefahaman (peringkat ketiga) yang mendorong kepada tindakan, kerana ilmu pemandu amal. Pengetahuan juga bukan sekadar mengetahui, tetapi pengetahuan yang membawa kepada kesedaran (peringkat kelima) yang mendorong kepada perubahan.

Selain itu, kajian mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran, sirah Nabi Muhammad

SAW, dan pergerakan sejarah, menjelaskan kepada umat Islam, bahawa pengetahuan – dalam erti kata kesedaran – adalah asas kepada perubahan, pembebasan, dan ketamadunan. Persediaan ilmu pengetahuan adalah asas yang perlu dibangunkan untuk segala persediaan yang lain. Oleh itu, persiapan pengetahuan adalah asas yang mesti dibina sebelum persiapan politik dan ketenteraan. ,

عبد الفتاح محمد العويسي القدسي

Kepentingan Ulama
Melakar Peta Jalan
Pengetahuan

Pembebasan adalah hasil persiapan serius dan terancang yang berterusan pada semua peringkat. Terutamanya persiapan intelektual yang berlangsung dan melibatkan beberapa generasi. Perjuangan pembebasan ini dipimpin oleh para cendekiawan umat Islam yang menyumbang dalam mempamerkan wajah buruk sebenar musuh Zionis di peringkat global.

Dalam perjuangan pembebasan ini, bahkan memimpin perubahan, pembebasan, dan ketamadunan sebagai cara pembelaan kepada perjuangan Muhammad SAW dan tempat Baginda di'Israk' dan di'Mikraj'kan, wajib ke atas para cendikiawan umat memulakan langkah pertama yang asas bagi memimpin usaha ini, dengan melakukan pembebasan minda dan persiapan pengetahuan dalam

memetakan jalan pengetahuan untuk pembebasan yang akan datang. Ini termasuk melakukan diagnosis dan penerangan tepat tentang realiti dan punca masalah, tanpa sebarang kepentingan, alasan, penipuan, atau hiasan. Kemudian, diikuti oleh elemen-elemen metodologi lain yang dapat menyumbang ke arah pembentukan sejarah masa depan kita serta mempengaruhi aliran pemikiran dan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan Baitul Maqdis. Lebih-lebih lagi dalam keadaan 'serangan' berlanjutan yang dihadapi oleh kawasan bulatan pertama (Baitul Maqdis), kedua (Syam, Mesir dan Cyprus), dan ketiga (Mekah dan Madinah). Di saat isu Baitul Maqdis berdepan dengan konflik peradaban yang sengit dan konspirasi paling berbahaya dalam sejarah

moden, terutama setelah kegagalan perubahan di kawasan gelombang pertama, dan persediaan untuk gelombang kedua.

Dalam hal ini, saya ingin berhenti sejenak pada petunjuk jalan ilmu yang terkandung dalam permulaan Surah Al-Isra':

"....*Apabila sampai masa janji (membalas perbuatan derhaka kamu) kali kedua, (Kami datangkan musuh-musuh kamu) untuk memuramkan muka kamu (dengan penghinaan dan keganasannya); dan untuk memasuki masjid (Baitul Maqdis) sebagaimana mereka telah memasukinya pada kali yang pertama; dan untuk menghancurkan apa sahaja yang mereka telah kuasai, dengan sehancur-hancurnya*" (Surah Al-Isra': 7).

Allah SWT menggambarkan tiga langkah penting untuk umat Islam: menghina musuh (Bani Israel), memasuki Masjid Al-Aqsa (seperti yang dilakukan oleh Saidina Umar RA dalam pembukaan Baitul Maqdis pertama kali berdasarkan perancangan ini telah dilakarkan oleh Nabi Muhammad SAW termasuklah perancangan dari sudut politik dan geopolitik), dan menghancurkan kekuasaan musuh.

Langkah pertama adalah menghina musuh dan mendedahkan wajah buruk penjajahan melalui kerja serius, terancang dan berterusan serta bersifat global seperti mana yang dilakukan oleh Zionism ke atas umat Islam. Salah satu alat utama dalam fasa ini adalah melalui 'kuasa lembut': ilmu dan pengetahuan.

Di tengah-tengah penderitaan umat yang amat berat di Makkah pada awalnya, dan ketika mereka membina negara Islam yang pertama di Madinah, Rasulullah SAW telah menghubungkan dan mengikat para sahabat RA dengan Baitul Maqdis melalui pelbagai ikatan; sebelum dan selepas peristiwa Isra' dan Mi'raj. Baginda telah mengarahkan perasaan atau mengaktifkan emosi serta menimbulkan perasaan cinta rindu terhadap Baitul Maqdis. Baginda telah memperkenalkan:

1) Konsep dan istilah baru "Baitul Maqdis".
2) Menanamkan harapan,
3) Memberikan berita gembira, secara berterusan dan berkesinambungan, mengenai kepastian pembukaan Baitul Maqdis,

4) Memberikan tasawwur baru tentang Baitul Maqdis sebagai sasaran strategik utama secara global.

Sehingga salah satu pesan terakhir baginda SAW adalah untuk melaksanakan penghantaran tentera pimpinan Usamah bin Zaid RA, dan baginda tetap bertegas dengan itu meskipun berada di atas ranjang kematian. Maka, Baitul Maqdis telah menjadi isu utama yang melibatkan ilmu pengetahuan dan perbincangan, malah menjadi isu setempat bagi para sahabat RA dan masyarakat waktu itu. Di mana mereka memahami dan menyedari betapa pentingnya Baitul Maqdis serta kedudukannya dalam kehidupan mereka kini dan pada masa hadapan. Keyakinan terpasak kukuh bagi mereka bahawa pembukaan Baitul Maqdis adalah suatu

kenyataan yang pasti akan berlaku, dan selepas pembukaan itu, Baitul Maqdis akan menjadi pusat dunia.

Peranan Ulama
dalam Sejarah

Selain daripada apa yang kita pelajari daripada Rasulullah SAW dalam pembukaan Baitul Maqdis kali pertama. Berdasarkan kajian sejarah, perancangan untuk membebaskan tanah suci Baitul Maqdis kali kedua daripada penjajahan Byzantium dan Perang Salib, selain daripada membuat persediaan politik dan ketenteraan, **mereka juga merangkumi persediaan ilmu yang telah dimainkan oleh para ulama.**

Malah, kita dapati bahawa, persediaan politik dan ketenteraan dibina atas asas persediaan ilmu. Ini bermakna, umat Islam perlu belajar dari kedua-dua perancangan tersebut. Terutamanya langkah pertama dan asas yang menjadi keutamaan yang dilupakan pada zaman kita, iaitu pembebasan akal dan persediaan ilmu. Tidak mungkin sebuah

umat dapat membebaskan tanah airnya, sementara akal fikiran putera dan puterinya dijajah dan dikuasai oleh kuasa yang menjajah tanah mereka dan merampas kekayaan mereka. Inilah tugas para ulama umat Islam.

Ini berlaku semasa Perang Salib, di mana persiapan bermula dengan ulama seperti Imaduddin Al-Zinki, diteruskan oleh Nuruddin Al-Zinki, dan mencapai kemuncaknya dengan pembebasan yang dilaksanakan oleh Salahuddin Al-Ayyubi. Salahuddin sendiri berkata kepada tenteranya pada hari Jumaat pembebasan (27 Rejab 583 Hijrah, 2/10/1187 M):

"Jangan sangka bahawa saya membebaskan negara ini dengan mata pedang kalian. Sebenarnya saya membebaskannya dengan mata pena al-Qadhi al-Fadhil."

Dalam ungkapan ini, "al-Nasir" (atau pembebas) Salahuddin Al-Ayyubi merujuk kepada Abdul Rahim al-Bisani – yang terkenal dengan gelaran "al-Qadhi al-Fadhil" – orang kedua dalam kerajaan selepas "al-Nasir" (atau pembebas) Salahuddin Al-Ayyubi.

Ini dengan jelas menunjukkan hubungan erat antara: ilmu yang diwakili oleh pena al-Qadi al-Fadhil – yang diberi gelaran "Muhyiddin" – dan kuasa yang diwakili oleh pemimpin politik dan ketenteraan Salah al-Din al-Ayyubi – yang diberi gelaran "al-Nasir".

Sebagai persediaan menghadapi pembebasan globalisasi kedua yang akan datang dan untuk mencapai kepimpinan dunia (*ustaziatul alam*) yang akan bermula dari Baitul Maqdis, wajib ada perubahan besar terhadap pemikiran strategik dan

perancangan strategik, dengan meletakkan satu pelan strategik dan merangka peta politik serta geopolitiknya. Pelan tersebut hendaklah merangkumi persediaan di semua peringkat – ilmu, politik, dan ketenteraan – yang bermula dengan menghubungkan roh, hati, dan minda umat Islam di seluruh dunia dengan Baitul Maqdis dan tempat sucinya (Masjid al-Aqsa) melalui persediaan ilmu pengetahuan.

Baitul Maqdis sebagai Terometer Umat dan Sumber Kebangkitan Secara Global

Adakah umat (bilangan lebih dari satu setengah bilion muslim) sedar bahawa melalui tindakan strategik yang serius dan terancang untuk membebaskan Baitul Maqdis adalah sebenar-benar cara membela perjuangan junjungan mulia Nabi Muhammad SAW?

Dan adakah mereka menyedari bahawa tiada kemuliaan bagi umat Islam, tanpa pembebasan dan pembangunan tamadun Baitul Maqdis dan Masjid al-Aqsa yang mulia?

Maka, Baitul Maqdis adalah penanda aras sebenar bagi kemuliaan atau kehinaan mereka, serta cerminan keadaan semasa umat Islam. Ia juga memberi kesan terhadap dunia di masa lalu, kini, dan akan datang. Kajian terhadap pergerakan sejarah dan ilmu geopolitik mengajarkan kita bahawa sesiapa yang

menguasai Baitul Maqdis, dia akan menguasai dunia.

Oleh itu, dari tanah suci yang diberkati (Baitul Maqdis) akan bermula kebangkitan Islam kali kedua secara global dan pembebasan umat Islam kali kedua secara global, dan cahaya mentari Islam dan rahmatnya untuk seluruh alam akan bersinar kembali ke dunia, dan kali ini kita akan mencapai kepimpinan dunia (ustaziatul alam) dari tanah suci (Baitul Maqdis).

Ini adalah janji Allah SWT dan khabar gembira daripada junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang mana dapat dikuatkan lagi berdasarkan kajian sejarah dan pergerakannya.

"Kepunyaan Allah segala urusan, baik yang terdahulu mahupun yang akan

datang, dan pada hari itu, orang-orang yang beriman akan bergembira, dengan pertolongan Allah yang menolong siapa yang Dia kehendaki dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Penyayang. Janji Allah itu benar, Allah tidak akan memungkiri janji-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. Mereka mengetahui secara zahirnya tentang kehidupan dunia, sedangkan mereka dalam keadaan lalai tentang kehidupan akhirat."

(Surah Ar-Rum: 4-7)"

Sumbangkan infak terbaik anda untuk kegiatan ilmiah Akademi Baitul Maqdis di sini:

RUJ: #TAJAANMAKRIFAH

Maybank 562263610505
KTDKL (AKADEMI BAITUL MAQDIS)

EDISI PERCUMA